

Received: 19 July 2019; Accepted: 28 October 2019

## Metode Interaksi Syeikh Dawud al-Fatani terhadap Hadith Da’if dalam Jam’u al-Fawaaid wa Jawahir al-Qalaids

Fatihah Ismail<sup>1</sup>, Latifah Abdul Majid<sup>2</sup>, Mohd Arif Nazri<sup>3</sup>

Email: <sup>1</sup>[fatihahismail@gmail.com](mailto:fatihahismail@gmail.com); <sup>2</sup>[umilm@ukm.edu.my](mailto:umilm@ukm.edu.my); <sup>3</sup>[mohdarif@ukm.edu.my](mailto:mohdarif@ukm.edu.my)

<sup>1</sup>Calon Sarjana di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2&3</sup>Pensyarah kanan di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

Jam’u al-Fawaaid Wa Jawahir al-Qalaids merupakan karya Tasawuf karangan Syeikh Dawud Abdullah al-Fatani. Walaupun kitab tersebut merupakan kitab tasawuf, akan tetapi terdapat sebilangan besar jumlah hadith di dalamnya yang menjadi hujjah kepada kenyataan yang dikemukakan. Hadith-hadith yang dikemukakan mempunyai status yang berbeza dan bentuk penulisan yang pelbagai. Dalam pada itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memahami kaedah interaksi Syeikh Dawud terhadap hadith da’if serta untuk mengenal pasti penghujahan hadith da’if dalam membincangkan tentang *Fadail al-a’mal* dan *targhib wa tarhib*. Di samping itu juga, kajian ini ingin melihat implikasinya terhadap masyarakat yang beramal dengan hadith da’if tersebut. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu menganalisis dokumen-dokumen yang berbentuk tulisan sama ada dari kitab, tesis, jurnal, dan sebagainya. Kajian ini juga menggunakan perisian komputer seperti Maktabah Syamilah dan Jawami’ al-Kalim untuk membantu dalam menentukan keberadaan hadith serta memudahkan mencari kedudukan sesuatu hadith. Hasil kajian ini mendapatkan bahawa Syeikh Dawud tidak menggunakan *sighah* yang khusus dalam menyebutkan hadis da’if. Keadaan ini mendatangkan kesukaran kepada masyarakat untuk membezakan hadith *maqbul* dan *mardud* dan seterusnya memberi kesan kepada masyarakat yang beramal dengan hadis yang *mardud*.

**Kata-kata kunci:** *Interaksi, Hadith Da’if, Syeikh Dawud al-Fatani, Tasawuf*

### Syeikh Dawud al-Fatani’s Interaction Method Towards Da’if Hadith in Jam’u al-Fawaaid wa Jawahir

### Abstract

Jam’u al-Fawaaid wa Jawahir al-Qalaids is a tasawuf work by Syeikh Dawud Abdullah al-Fatani. Although it is a tasawuf book, but most of the hadith in it become arguments to the statements given. The hadiths given have different status and various styles of writings. Therefore, this study analyses the Syeikh Dawud’s interaction method towards da’if hadith in *Fadail al-a’mal* and *targhib wa tarhib* discussion. Other than that, this study also reveals the implication to the society that practices the da’if hadith. Methodology uses in this study is qualitative method by analysing documents such as the books, theses, journals, and others. This study also uses computer software such as Maktabah Syamilah and Jawami’ al-Kalim to help determining the hadith existence and to search the identification position of the hadith. The findings show that Syeikh Dawud does not use specific *sighah* in quoting the da’if hadith. This situation makes it difficult to the society to differentiate between the sahih and da’if hadith and therefore affects those who practice the *mardud* hadith.

**Keywords:** *Interaction, Da’if Hadith, Syeikh Dawud al-Fatani, Tasawuf*

### 1. Pengenalan

Kitab Jam’u al-Fawaaid wa Jawahir Al-Qalaids karya Tasawuf oleh Syeikh Dawud Abdullah al-Fatani merupakan kitab yang mengandungi nasihat-nasihat yang bersifat penyucian jiwa. Secara umumnya, walaupun karya ini dikategorikan sebagai kitab tasawuf, namun perbahasannya bukanlah mengenai tasawuf secara falsafah yang membicarakan pemikiran-pemikiran falsafah, akan tetapi ianya hanya bersifat tarbiah rohani dan

penyempurnaan akhlak iaitu dengan menekankan kepada galakan melakukan kebaikan dan ancaman meninggalkannya (Mohd Aizul Yaakob 2011).

Seperti yang telah diketahui, nama Syeikh Dawud Abdullah al-Fatani tidak asing lagi dalam dunia agama. Seperti yang disebut oleh Wan Mohd Shaghir (1990) nama penuh beliau ialah Wan Dawud bin Wan Abdullah bin Wan Idris al-Fatani, Beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Syeikh Dawud Fatan. Terdapat perbezaan tarikh yang dicatat oleh para pengkaji dengan menyatakan Syeikh Dawud al-Fatani dilahirkan tahun 1133 H, 1153 H, 1183 H di Kerisik. Beliau merupakan tokoh ilmuan yang disegani dan disanjungi kehebatan ilmunya serta merupakan penyumbang yang besar kepada masyarakat dalam bidang agama khususnya melalui penulisan yang menjadi rujukan sehingga sekarang. Dalam merungkai kehebatan ilmu beliau, artikel ini bertujuan untuk mendalami penulisan beliau dalam berinteraksi dengan hadith da’if. Artikel ini mengemukakan hadith-hadith da’if sebagai mana yang dijelaskan oleh ulama-ulama hadith yang muktabar dalam menentukan status sesuatu hadith, sama ada da’if dari segi sanad maupun matan. Artikel ini bukanlah untuk melihat kelemahan kitab dalam mengemukakan hadith da’if sebagai dalil, akan tetapi untuk melihat cara penggunaan hadith da’if dalam kitab tersebut supaya tidak timbul kekeliruan di kalangan masyarakat dan yakin untuk beramal dengan hadith tersebut selepas mengetahui penjelasan dan kaedahnya dalam berinteraksi dengan hadith da’if. Ini bertepatan dengan kenyataan yang disebut oleh Ahamad Asmadi Sakat (2007) bahwasanya walaupun hadith itu da’if pada sanadnya ia tidak boleh ditolak terus sebagai hadith yang Sahih tidak boleh diterima bulat-bulat apakah lagi sekiranya terdapat hadith Sahih yang lain yang bercanggah denganannya.

Menurut Jawiah Dakir et.al (2009) kepentingan merujuk kepada hadith yang Sahih adalah untuk mengelakkan umat Islam daripada penyelewengan dan penyalahgunaan nas hadith untuk kepentingan diri dan menjatuhkan martabat Islam, lebih malang lagi nas tersebut berkaitan dengan akidah dan syariah yang boleh merosakkan akidah atau sesat dan syariatnya menjadi batal.

## **2. Definisi Hadith Da’if**

Pelbagai takrifan yang telah diberikan oleh ulama terhadap hadith da’if, akan tetapi membawa maksud yang sama walaupun penggunaan ayat yang berbeza. Menurut Imam al-Nawawi (1985) hadith da’if adalah hadith yang padanya tidak terkumpul sifat hadith sahib dan hadith hasan. Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib (2006), dan Nur al-Din ‘Itr (1979) pula menyebut hadith da’if ialah segala hadith yang tidak terkumpul sifat-sifat *maqbul*. Adapun syarat-syarat hadith sahib seperti yang telah dijelaskan oleh Abu al-Laiyth (2018) iaitu hadith yang bersambung sanadnya dari awal sampai akhir, seorang yang adil dan dabit serta tidak berlakunya *syaz* dan *illah*. Manakala perbezaan antara hadith sahib dengan hadith hasan adalah sekiranya terdapat salah seorang perawi dari jalur sanad tersebut yang sedikit kurang daripada aspek *dhabit* maka itu adalah hadith hasan (Abd al-Karim Ibn Abd Allah Ibn Abd al-Rahman al-Khidr 2005; Muhammad Ibn Muhammad Abu Shahbah 1983; al-Qari, 1327H). Daripada definisi diatas jelas menunjukkan bahawa sekiranya tidak terdapat atau kurang salah satu daripada syarat-syarat hadith sahib atau hadith hasan, maka itu adalah hadith da’if.

Al-Tahhan (2004) dan Ibn Hajar al-Asqalani (2006) telah menjelaskan terdapat dua faktor utama yang menyebabkan hadith itu menjadi lemah iaitu gugur perawi daripada sanad dan berlaku kecaman kepada perawi. Menurut al-Khudayr (1425H) pengguguran berlaku pada sebahagian perawi sama ada daripada awal sanad, pertengahan, atau akhir sanad dan ianya berlaku secara jelas atau tersembunyi. Manakala al-San’ani (1947) pula membahagikan kepada enam faktor yang menyebabkan hadith itu menjadi da’if seperti sanad tidak bersambung, susur galur perawi atau sebahagiannya tidak adil, susur galur perawi atau sebahagiannya tidak dabit, mempunyai *syaz* sama ada pada matan atau sanad atau pada kedua-duanya, mempunyai *illah* sama ada pada sanad atau matan atau pada kedua-duanya, dan tiada hadith lain yang menguatkannya.

## **3. Pendapat Ulama Dalam Penggunaan Hadith Da’if**

Hadith da’if seperti yang telah dijelaskan adalah hadith yang tidak terdapat atau kurang salah satu syarat daripada syarat-syarat hadith sahib dan hasan yang lima iaitu Sanad yang bersambung, Perawi yang thiqah dan dabit, tidak ada *Syaz* dan *Illah*. Ulama berbeza pendapat dalam beramal dengan hadith da’if dan juga meriwayatkannya. Meriwayatkan hadith da’if dan beramal denganannya adalah merupakan sesuatu yang berbeza (Fauzi Deraman 2012). Dalam melihat pendapat ulama terhadap penggunaan hadith da’if boleh dilihat dari sudut periwayatan dan pengamalan.

### a. Pendapat Ulama dalam Meriwayatkan Hadith Da'if

Dalam meriwayatkan hadith da'if ulama berbeza pendapat, seperti kenyataan Imam Muslim (1991) yang mengkritik perawi da'if dan munkar dalam kitabnya dengan menyebut wajib seseorang mengetahui cara membezakan antara hadith sahih dan cacat, dan tidak meriwayatkan kecuali sudah diketahui akan kesahihannya serta menjauhi perawi daripada kalangan yang dituduh pelaku bi'ah.

Manakala, golongan kedua pula berpendapat harus meriwayatkan hadith da'if walaupun tidak menyebut keda'ifannya seperti yang dijelaskan Muhammad bin Muhammad Abu Shahbah (1983) dengan menukilkan kata-kata Ibn Salah yang menyatakan harus meriwayatkan hadith kecuali hadith maudu' daripada jenis-jenis hadith da'if tanpa mengambil berat untuk menjelaskan keda'ifannya selain dalam perkara sifat-sifat Allah, hukum syariat dari halal haram dan seumpamanya seperti pengajaran, kisah-kisah, *fadail al-a'mal* dan semua bentuk *targhib* dan *tarhib* dan semua perkara yang tidak berkaitan dengan hukum dan akidah. Kenyataan ini disokong oleh Nur al-Din 'Itr (1979) yang menyatakan hukum meriwayatkan hadith da'if pada selain daripada perkara akidah, hukum halal haram adalah harus di sisi ulama muhaddithin iaitu pada perkara *targhib* dan *tarhib*, kisah, pengajaran dan seumpamanya walaupun tidak menjelaskan keda'ifannya.

Selain itu, terdapat juga golongan yang berpendapat harus menyebut hadith da'if tetapi perlu disertakan penjelasan tentang keda'ifannya seperti pendapat ulama Mutaakhirin iaitu Syeikh al-Albani (1408H) yang menyatakan tidak harus menyebut hadith da'if kecuali disertakan penjelasan tentang keda'ifannya. Ini kerana beliau menukilkan pendapat Abu Syamah yang mengkritik mereka yang tidak menjelaskan hadith da'if walhal dia ketahui akan keadaannya. Ini jelas menunjukkan mereka lebih berhati-hati ketika berinteraksi dengan hadith da'if supaya dapat mengelakkan daripada berlaku salah faham terhadap sesiapa sahaja yang mendengar hadith tersebut dengan tidak menyangka bahawa ianya hadith *maqbul* secara pasti. Fauzi Deraman (2012) juga menekankan supaya berhati-hati dalam meriwayatkan hadith da'if, penjelasan mengenai kedudukannya adalah diperlukan tanpa mengira sama ada dalam perkara yang berkaitan dengan hukum dan aqidah atau yang selainnya. Di samping itu juga, beliau kemukakan kenyataan Syeikh Ahmad Syakir yang menyatakan menjelaskan keda'ifan hadith da'if adalah wajib dalam semua keadaan kerana meninggalkan penjelasan dan keterangan itu akan memberi ruang kepada sesiapa yang mendapatinya menyangka yang hadith tersebut adalah hadith sahih, apa lagi apabila yang memetiknya itu seorang ulama hadith yang dirujuk pendapat dan pandangannya.

Meriwayatkan hadith dalam *Fadail al-a'mal*, ulama bermudah-mudah pada sanad hadith da'if seperti yang disebutkan oleh Fauzi Deraman (2012) yang menukilkan kenyataan al-Khatib Baghdadi yang menyatakan tidak harus menerima hadith-hadith yang berkaitan dengan halal dan haram kecuali daripada mereka yang bersih dari sebarang tuduhan, jauh dari sebarang sangkaan, adapun hadith-hadith mengenai *targhib* dan *tarhib*, mawa'iz dan lain-lain boleh diterima daripada semua kalangan ulama. Begitu juga Mohd Farhan Md Ariffin et.al (2016) yang memetik kata Abu Zakariya al-'Anbari yang menyebut sesuatu khabar apabila tidak mengemukakan mengenai perkara halal haram, tidak menghalalkan yang haram dan tidak mengharamkan yang halal, bahkan berkait dengan galakan, ancaman, akibat dan kelebihan, wajib meringankan sanadnya dan bermudah terhadap riwayatnya. Malah al-'Iraqi juga berpendapat sedemikian dengan menyebut: "Pada hadith da'if selain maudu' dalam bab galakan dan larangan berbentuk cerita, pengajaran dan kelebihan amalan, maka boleh bermudah-mudah pada isnad dan perawinya, namun apabila melibatkan syariat Islam iaitu halal haram dan hukum hakam dan aqidah, tidak boleh bersikap lembut dalam hal tersebut". Subhi al-Salih (1984) mengambil pendapat Ahmad bin Hanbal, Abd Rahman bin Mahdi dan Abdullah bin al-Mubarak, mereka berkata: Apabila kami meriwayatkan dalam perkara halal haram kami agak tegas, dan apabila kami meriwayatkan dalam perkara *fadail* dan seumpamanya kami bermudah-mudah mengenai sanadnya.

Dalam pada diboleh meriwayatkan hadith da'if, menurut Fauzi Deraman (2012) hadith-hadith yang tidak berkaitan dengan hukum hakam dan aqidah yang tidak disertakan dengan sanad tidak boleh diriwayatkan dalam *sighah jazam* (pasti), tetapi hendaklah diriwayatkan dengan *sighah tamrid* terutamanya apabila keadaannya tidak dijelaskan. Pendapat ini juga seperti yang dijelaskan oleh Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi (1961), Nur al-Din 'Itr (1979), Muhammad bin Muhammad Abu Shahbah (1983) dan Subhi al-Salih (1984) dan yang juga menyatakan dalam meriwayatkan hadith da'if tidak boleh menggunakan lafaz *jazam* iaitu Nabi SAW bersabda, atau Nabi SAW menyuruh demikian, atau Nabi SAW melakukan demikian, tetapi hendaklah meriwayatkannya dengan menggunakan lafaz *tamrid* iaitu dikatakan Nabi Muhammad SAW menyebut, atau direkodkan daripada Nabi SAW, atau dinukilkan daripada Nabi SAW, atau diceritakan bahawa Nabi SAW. Demikian lah jumhur ulama meletakkan syarat-syarat dalam meriwayatkan hadith da'if supaya

dapat mengelakkkan daripada berkata sesuatu yang tidak pasti datangnya daripada Nabi SAW. Keadaan ini lebih selamat agar keautoritian hadith terjamin.

Berdasarkan pendapat ulama tentang meriwayatkan hadith da'if, Jumurul ulama berpendapat harus meriwayatkan hadith da'if walaupun tidak menjelaskan keda'ifannya hanya dalam perkara *fadail al-a'mal*, kisah-kisah, pengajaran, *targhib* dan *tarhib* dan seumpamanya asalkan perkara tersebut tidak berkaitan dengan hukum-hakam, dan aqidah. Meriwatkan hadith da'if juga harus menggunakan *sighah tamrid* untuk membezakan dengan hadith saih dan hadith hasan yang meriwayatkannya dengan *sighah jazam* oleh kerana tidak disertakan tentang kedudukannya.

#### *b. Pendapat Ulama dalam Beramal dengan Hadith Da'if*

Setiap amalan yang dilakukan oleh Muslim hendaklah berpandukan kepada dalil yang syar'i sama ada daripada al-Quran mahupun daripada Sunnah Nabi SAW. Mohd Farhan Md Ariffin et.al (2016) memetik kenyataan Ahmad Ibn Muhammad Ibn Umar al-Misri al-Qadi Shihab al-Din al-Khafaji yang mengatakan makna beramal dengan hadith da'if adalah meriwayatkan hadith tersebut untuk menyebutkan ganjaran atau pahala sebahagian amalan yang telah *thabit* (dengan nas saih sebelumnya) berbentuk galakan supaya melakukannya atau kelebihan para sahabat RA dan zikir (amal soleh). Ini menunjukkan pendapat al-Qadi yang menjelaskan bahawa beramal dengan hadith da'if kecenderungannya dalam melakukan perkara *fadail* agar lebih semangat dalam mengejar ganjaran terhadap nas yang telah *thabit* kesahihannya. Namun, ulama berbeza pendapat dalam beramal dengan hadith da'if yang boleh dikatakan sebahagiannya boleh beramal secara mutlak, dan harus beramal tetapi bersyarat serta tidak boleh beramal dengannya secara mutlak.

Golongan pertama yang berpendapat tidak boleh beramal dengan hadith da'if secara mutlak dalam semua perkara sama ada dalam perkara hukum hakam, pengajaran mahupun *fadail al-a'mal*, seperti yang telah dinyatakan oleh Muhammad bin Muhammad Abu Shahbah (1983) yang menukilkan pendapat Imam Ibn al-'Arabi al-Maliki yang menyatakan tidak harus beramal dengannya (hadith da'if) secara mutlak sama ada dalam perkara halal haram mahupun dalam *fadail* dan seumpamanya. Pendapat ini disebut oleh al-Qadi Abi Bakr Ibn al-'Arabi dan berkata al-Syihab al-Khafaji dan al-Jalal al-Dawwani dan setengah ulama mu'asirin juga cenderung kepada pandangan tersebut kerana berkaitan *fadail al-a'mal* itu seperti dalam urusan fardu dan haram kerana semuanya adalah syariat, dan pada hadith saih dan hasan memadai berbanding dengan hadith da'if (Nur al-Din 'Itr 1979).

Manakala, golongan kedua pula berpendapat harus beramal dengan hadith da'if secara mutlak seperti pendapat Imam Ahmad bin Hanbal, Abi Dawud dan selainnya menyatakan beramal dengan hadith da'if secara mutlak baik pada perkara halal dan haram, fardu, wajid dengan syarat tidak terdapat dalil lain selainnya. Keadaan ini hanya berlaku pada hadith yang tidak terlalu kuat keda'ifannya kerana da'if yang kuat adalah *matruk* disisi ulama serta hendaklah tidak terdapat dalil yang bertentangan dengannya (Nur al-Di 'Itr 1979). Imam Ahmad berkata: 'Sesungguhnya hadith walaupun da'if lebih aku suka daripada pendapat manusia', begitu juga pendapat Abu Dawud yang diceritakan oleh Ibn Mundah: 'Beliau mengeluarkan isnad yang da'if bila tidak terdapat yang lain kerana baginya hadith walaupun da'if lebih kuat dari pandangan orang biasa' (Rohaizan Baru Md. Zain 1999). Menurut Ariffin Omar dan Zaini Nasohah (2005) dan Rohaizan Baru Md. Zain (1999) yang dimaksudkan dengan hadith da'if dalam kenyataan Imam Ahmad adalah hadith da'if yang tidak sampai ke peringkat terlalu da'if, tetapi hadith da'if yang lebih hampir kepada hadith hasan, menurut istilah Imam al-Tirmidhi. Ini kerana berkemungkinan ianya betul dan juga tidak terdapat nas lain yang bercanggah dengannya, maka hadith ini dianggap ada kekuatan dan layak diriwayat serta boleh beramal dengannya (Rohaizan Baru Md. Zain 1999).

Adapun, menurut Imam al-Nawawi (2001) setengah ulama harus beramal dengan hadith da'if tetapi bersyarat iaitu hadith da'if itu hanya berkaitan dengan kisah atau peringatan atau *fadail al-a'mal*, atau selain daripadanya yang tidak berkaitan dengan sifat-sifat Allah, apa yang harus bagi-Nya, dan apa yang mustahil bagi-Nya, dan juga tidak dalam pentafsiran al-Quran dan tidak juga dalam perkara hukum seperti halal haram dan selainnya. Selain itu, hadith da'if itu tidak terlalu kuat keda'ifannya, hendaklah tidak ber'i'tiqad ketika beramal dengannya yang hadith tersebut *thabit* daripada Nabi, bahkan hendaklah hadith tersebut diamalkan secara *ikhtiat* (berhati-hati). Serta hendaklah hadith itu termasuk dibawah dasar umum, dan mestilah hadith da'if itu tidak bertentangan dengan dalil yang lebih kuat daripadanya.

Oleh itu, seperti yang telah dijelaskan pendapat ulama dalam penggunaan hadith da'if serta syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh mereka ketika berinteraksi dengan hadith da'if, artikel ini mengetengahkan

kaedah yang telah digunakan oleh Syeikh Dawud dalam berinteraksi dengan hadith da’if. Adakah bertepatan dengan garis panduan yang telah dinyatakan oleh ulama dalam penyebutan hadith da’if atau beliau mempunyai caranya yang tersendiri dalam berinteraksi dengan hadith da’if.

#### **4. Pendirian Syeikh Dawud al-Fatani Dalam Berinteraksi Dengan Hadith Da’if**

Berdasarkan metode Syeikh Dawud dalam berinteraksi dengan hadith da’if menunjukkan beliau tidak menggunakan kaedah yang khusus oleh kerana kepelbagaiannya yang telah diaplikasikan olehnya dan juga penggunaan lafaz antaranya *sighah jazam* dan *tamrid* juga tidak tetap seperti kebanyakan ulama dalam penggunaan hadith da’if. Menjadi tradisi ulama hadith dalam penulisan kitab utama menyatakan hadith da’if dalam *sighah tamrid*, tetapi kelihatan Syeikh Dawud tidak menggunakan keadaan tersebut dalam berinteraksi dengan hadith da’if oleh kerana beliau menggunakan kedua-dua *sighah* iaitu *sighah jazam* dan *sighah tamrid*. Ini mungkin atas beberapa sebab seperti berkemungkinan hadith tersebut sah disisinya atau beliau tidak mengetahui kedudukan hadith tersebut, mungkin juga Syeikh Dawud menggunakan hadith da’if dalam perkara *fadail* dan tidak membezakan penggunaan *sighah* dalam penyebutannya. Kebanyakan hadith da’if yang beliau kemukakan berbentuk perkara *s* yang diharuskan oleh ulama beramal dengannya, tetapi terdapat juga hadith da’if yang beliau kemukakan tidak menepati syarat-syarat dalam beramal dengan hadith da’if yang telah ditentukan oleh ulama-ulama dalam beramal dengannya.

Jika diteliti lebih mendalam Syeikh Dawud dalam disiplin ilmu, beliau seorang yang alim dalam pelbagai bidang walaupun penulisannya dalam bidang hadith kurang menyerlah berbanding bidang lain, tetapi pengetahuannya dalam bidang tersebut boleh dikatakan hampir menyamai ulama dalam bidang hadith oleh kerana ilmunya terhadap bagaimana manhaj muhaddithin dalam menilai sesuatu hadith, seperti kenyataannya yang menyebut “Ketahuilah olehmu bahawasanya ulama meriwayatkan mereka itu akan beberapa hadith amat banyak kepadanya pada kelebihan bulan rejab dan tetapi muhaddithin mengatakan padanya hadith da’if maka kami sebutkan di sini kerana hadith da’if diamalkan pada *fadail* dan hasilnya dengan dia *targhib* dan *tarhib* maka jika ada padanya tambahan maka dosanya di atas rawi” (Syeikh Dawud al-Fatani t.th). Artikel ini cenderung menyatakan syeikh dawud berada dalam golongan yang dibolehkan meriwayatkan hadith da’if walaupun tidak dijelaskan keda’ifannya berdasarkan kenyataan ini yang beliau mengetahui hadith da’if tetapi beliau masukkan juga dalam karyanya dalam perkara *targhib* dan *tarhib* oleh kerana dibolehkan meriwayatkan dan beramal dengan hadith da’if dalam perkara-perkara yang tidak melibatkan akidah, hukum-hakam, halal-haram dan sebagainya.

Oleh itu, daripada kenyataannya itu menunjukkan bahawa pengetahuan Syeikh Dawud terhadap kedudukan hadith tidak dapat dinafikan walaupun beliau mengemukakan hadith da’if tanpa menjelaskan kedudukannya. Hal ini memberi gambaran kepada pembaca supaya berhati-hati dalam menentukan hadith tersebut datangnya dari Nabi SAW secara pasti. Oleh kerana makna hadith yang dikemukakan termasuk dibawah dasar usul agama yang umum walaupun kelebihan yang terdapat dalam hadith da’if itu tidak boleh diambil secara mutlak. Keadaan ini juga menunjukkan Syeikh Dawud sepandapat dengan ulama-ulama yang mengharuskan meriwayat dan beramal dengan hadith da’if dalam perkara *fadail al-a’mal*, *targhib* dan *tarhib* seperti Ibn Salah, Imam al-Nawawi, Ibn Taimiyah dan lain-lain.

#### **5. Metode Interaksi Hadith Da’if dalam Kitab Jam’u al-Fawaid wa Jawahir Al-Qalaid**

Dalam Jam’u Al-Fawaid wa Jawahir Al-Qalaid terdapat banyak hadith yang mempunyai status yang berbeza yang merangkumi Sahih, Hasan, Da’if, Maudu’ dan ada juga yang tidak diketahui sumbernya. Setiap hadith yang pengarang kemukakan mempunyai bentuk yang berbeza, keadaan ini boleh dilihat pada penulisan sanad, matan dan penggunaan lafaz sebelum mengemukakan matan hadith.

Fauzi Deraman (2012) menjelaskan kepentingan memahami sebaik-baiknya panduan yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW iaitu hadith baginda SAW demi mengelakkan kekeliruan dan salah faham serta perlu mengikut kaedah yang betul dalam berinteraksi dengannya. Tambahnya lagi, perlunya metode, dan garis panduan dalam menilai sesuatu hadith akan banyak membantu dalam memperkasakan hadith. Dalam memahami isi kandungan kitab, mestilah penelitian yang mendalam terhadap kitab tersebut dengan mengenalpasti metode penulisan yang telah digunakan oleh pengarang kitab tersebut. Artikel ini hanya menganalisis metode interaksi Syeikh Dawud terhadap hadith da’if dalam kitabnya Jam’u al-Fawaid wa Jawahir al-Qalaid, iaitu dengan melihat bentuk penulisan beliau terhadap penggunaan hadith da’if dan implikasinya terhadap masyarakat yang beramal dengannya. Metode interaksi Syeikh Dawud terhadap hadith

da'if boleh dilihat seperti berikut;

*a. Menyatakan Hadith dengan menggunakan Sighah Jazam*

Jumhur ulama telah sepakat bahawa dalam meriwayatkan hadith da'if tidak boleh meriwayatkan dengan menggunakan lafaz *jazam* (pasti) kerana lafaz ini hanya untuk meriwayatkan hadith sahih dan hadith *maqbul* yang lain. Seperti yang dijelaskan oleh Nur al-Din ‘Itr (1979) sesungguhnya dengan berkata ‘Sabda Rasulullah SAW’ menunjukkan hadith sahih dan hadith hasan. Tetapi dalam kitab Jam'u al-Fawaid, terdapat juga hadith da'if yang pengarang kemukakan dengan menggunakan lafaz *jazam*. Contoh hadith yang beliau kemukakan dengan menggunakan *sighah Jazam* adalah seperti berikut:

“(Dan lagi sabda) Nabi SAW barangsiapa membaca surah yaasin malam jumaat diampunkan baginya dan barangsiapa membaca surah al-Dukhan pada hari jumaat atau pada malam jumaat dibina Allah baginya satu rumah di dalam syurga”

Hasil kajian takhrij yang telah dilakukan menunjukkan hadith yang dikemukakan oleh Syeikh Dawud merupakan dua matan hadith yang berlainan periyatannya. Yang pertama ialah riwayat tentang membaca surah yasin, dan yang kedua ialah riwayat tentang membaca surah al-Dukhan. Matan asal bagi riwayat yang pertama adalah seperti yang terdapat dalam kitab *al-Targhib wa al-Tarhib* oleh al-Asbahani, iaitu:

حدثنا سليمان بن إبراهيم، ثنا محمد بن نصر بن طالوت، ثنا أبو بكر أحمد بن موسى الحريري، ثنا عباد بن أحمد، ثنا زيد بن الحريش، ثنا الأغلب بن قمي، ثنا أبيوب ويونس، عن الحسن عن أبي هريرة - رضي الله عنه - قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من قرأ سورة يس في ليلة الجمعة غفر له

Manakala matan asal bagi riwayat yang kedua adalah seperti yang terdapat dalam kitab Mu'jam al-Kabir oleh al-Tabarani iaitu:

حدثنا أحمد بن داود المكي، ثنا حفص بن عمر المازني، ثنا فضال بن جبير، عن أبي أمامة قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من قرأ حم الدخان في ليلة الجمعة، أو يوم الجمعة بني الله له بيته في الجنة.

Hadith bagi riwayat pertama terdapat perawi yang bernama al-Aghlab bin Tamim yang disebut oleh Ibn Hibban sebagai ‘*Munkar al-Hadith, yarwi an al-Thiqat ma laisa min hadithihim hatta kharaja an had al-Ihtijaju bihi likathrati khat'ihi, wa da'fihi akharun*’. Manakala perawi yang bernama Zaid bin Harisy berkata Ibn Hibban dalam al-Thiqat ‘*Rubbama Akhta*’ dan Ibn Qattan menyebutnya sebagai ‘*Majhul al-Hal*’. Dan riwayat ini juga disebut oleh al-Albani sebagai ‘*Isnad da'if Jiddan*’.

Manakala hadith bagi riwayat kedua pula terdapat perawi yang majhul iaitu Hafs bin Amr al-Mazini yang disebut oleh al-Dhahabi ‘*la ya raf*’. Selain itu, Fadal bin Jubair merupakan ‘*da'if al-hadith*’ seperti yang disebut oleh Abu Hatim al-Razi dan al-Baihaqi pula menyebutnya sebagai ‘*Sahibu al-Manakir*’. Riwayat ini juga seperti yang disebut oleh al-Albani sebagai ‘*da'if Jiddan*’ dalam kitabnya *Da'if al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatuhu*.

Jika melihat kepada *sighah* yang digunakan oleh Syeikh Dawud ketika berinteraksi dengan hadith da'if iaitu dengan menggunakan *sighah jazam* yang mana bertentangan dengan kaedah Jumhur ulama yang menyebut *sighah jazam* hanya untuk hadith yang berstatus *maqbul*, tetapi hadith ini berstatus da'if yang dikategorikan hadith *mardud* oleh kebanyakan ulama hadith seperti al-Albani dan selainnya. Syeikh Dawud juga tidak memberi penjelasan tentang kedudukan hadith tersebut yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca yang juga boleh menthabitkan hadith ini betul-betul datang daripada Nabi SAW. Keadaan ini memberi kesan kepada pembaca disebabkan oleh penggunaan *sighah jazam* (pasti) serta tidak memberi penjelasan tentangnya (kedudukan hadith) yang boleh menimbulkan jangkaan kepada pembaca bahawa hadith ini boleh diamalkan serta mendapat kelebihan yang disebutkan. Dasarnya, membaca al-Quran amat digalakkkan malah dikiranya sebagai ibadah, berdasarkan hadith sahih yang terdapat dalam Sahih Muslim mafhumnya ‘Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya’ akan tetapi kelebihan yang disebut dalam hadith yang dibawa oleh Syeikh Dawud tidak boleh dijadikan hujjah untuk menggalakkan masyarakat membaca al-Quran.

*b. Menyatakan Hadith dengan Menggunakan Sighah Tamrid*

*Sighah tamrid* digunakan dalam meriwayatkan hadith da'if atau hadith yang tidak pasti sama ada berstatus

*maqbul* atau *mardud*. Ulama telah sepakat dalam meriwayatkan hadith da’if harus menggunakan lafaz *tamrid* yang menunjukkan hadith tersebut tidak datang daripada Nabi SAW secara pasti. Selain *sighah jazam*, *sighah tamrid* juga digunakan oleh pengarang kitab Jam’u al-Fawaaid sebagai contoh seperti hadith berikut:

“(Dan daripada) Abi Umamah RA daripada Nabi SAW barangsiapa berdiri mengerjakan ibadah pada dua malam hari raya tiada mati hatinya pada hari dimatikan segala hati”

Hadith ini terdapat dalam Sunan Ibn Majah seperti matan berikut;

حدثنا أبو أحمد المرار بن حمودة قال: حدثنا محمد بن المصنف قال: حدثنا بقية بن الوليد، عن ثور بن يزيد، عن خالد بن معدان، عن أبي أمامة، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: من قام ليلاً في العيدين محتسباً لله لم يمت قبله يوم قوت القلوب.

Hasil takhrij mendapatkan hadith ini da’if kerana perawi yang bernama Baqiyah bin al-Walid yang banyak mentadlis hadith. Menurut Abu Hatim Ibn Hibban al-Busti menyatakan ‘*Thiqah Ma’munan wa lakinnahu kana Mudallisan*’, begitu juga al-Burhan al-Halbi menyebutnya ‘*Masyhur bi al-Tadlis Ma’tur al-Tadlis ‘an al-Du’afa’ wa Yu’ani Tadlis al-Taswiyyah*’. Manakala Ibn Hajar al-Asqalani (1986) menyebutnya dalam al-Taqrir ‘*Suduq Kathiru al-Tadlis ‘an al-Du’afa*’ dan Imam al-Nawawi (2001) menyebut dalam al-Azkar ‘*Wahuwa hadith da’if*. Tetapi al-Albani (t.th) menyebut hadith ini Maudu’ dalam kitabnya *Sahih wa da’if Sunan Ibn Majah*.

Berdasarkan pendapat ulama tentang kedudukan hadith ini yang menyebutnya sebagai hadith da’if kecuali al-Albani yang menyatakan hadith maudu’, akan tetapi kategori hadith ini termasuk dalam hadith *mardud* yang mana ulama berbeza pendapat dalam meriwayatkan dan beramal dengannya. Melalui kaedah yang digunakan oleh Syeikh Dawud iaitu *sighah tamrid* yang menunjukkan hadith itu da’if walaupun tidak menjelaskan keda’ifannya selari dengan pendapat ulama dalam meriwayatkan hadith da’if iaitu dengan menggunakan *sighah tamrid*, adapun beramal dengannya ulama menyebut harus beramal dengannya selagi tidak sampai tahap maudu’. Oleh itu, harus beramal dengan hadith ini kerana iaanya termasuk dalam perkara *Fadail al-a’mal* dan tidak berkaitan dengan akidah dan hukum hakam. Jumhur ulama membenarkan untuk beramal dengan hadith da’if yang berkaitan dengan *fadail*, inilah pandangan yang dikemukakan oleh Imam al-Nawawi.

### c. Menyatakan Hadith dalam Perkara Fadail al-a’mal dan Targhib wa Tarhib

*Fadail al-a’mal* merupakan sebahagian daripada *targhib* dan *tarhib* yang terdapat dalam Islam (Aizul Yaakob 2011). *Fadail* bermaksud kelebihan yang diperolehi kerana kemuliaannya ataupun kedudukannya yang tinggi disisi Khaliq mahupun makhluq. Manakala maksud *Targhib* dan *Tarhib* pula adalah satu galakan untuk melakukan suruhan ataupun ancaman meninggalkan arahan Allah SWT dan RasulNya.

Jumhur ulama telah sepakat bahawa penggunaan hadith da’if harus dalam perkara *targhib* dan *tarhib* dan seumpamanya selagi tidak berkaitan dengan bab hukum seperti halal haram, bab akidah dan sebagainya. Dalam kitab Jam’u al-Fawaaid pengarang banyak mengemukakan hadith da’if dalam perkara *fadail* dan *targhib wa tarhib* sesuai dengan perbincangan utama dalam kitab itu tentang galakan dalam melakukan kebaikan dan ancaman dalam meninggalkannya. Contoh hadith yang beliau kemukakan dalam perkara ini adalah;

“Sabda Nabi SAW bahawa bersabda ia bagi syurga dua pintu dinamakan dia bab al-Duha maka apabila adalah pada hari kiamat seru yang menyeru dimana yang ada mereka itu mengekali atas sembahyang duha inilah hidayah kamu maka masuk kamu akan dia”

Matan asal hadith ini terdapat dalam Mu’jam al-Ausat al-Tabarani seperti matan berikut

حدثنا محمد بن النضر الأردي قال: نا بشير بن الوليد قال: نا سليمان بن داود اليامي، عن يحيى بن أبي كثير، عن أبي سلمة، عن أبي هريرة، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: إن في الجنة بابا يقال له: الضحى، فإذا كان يوم القيمة نادى مناد: أين الذين كانوا يدعون على صلاة الضحى؟ هذا بابكم فادخلوه برحمته الله.

Dalam riwayat ini, terdapat perawi yang bernama Sulaiman bin Dawud al-Yamami yang telah dida’ifkan oleh kebanyakan ulama seperti al-Dhahabi, Ibn Hazm al-Andalusi, Abu Bakr al-Baihaqi, Abu Hatim al-Razi, malah Ibn Hazim al-Andalusi dan al-Bukhari menyebutnya sebagai ‘*Munkar al-Hadith*. Artikel ini meletakkannya sebagai hadith da’if sebagaimana yang telah disebut oleh al-Albani sebagai ‘*Da’if Jiddan*’ dalam kitabnya *Silsilah al-Ahadith al-Da’ifah wa al-Maudu’ah wa Atharuha al-Sayyi’ al-Ummah*.

Walaupun kategori hadith ini dalam perkara *Fadail al-a’mal*, tetapi ulama telah bersepakat bahawa hadith da’if yang hendak diamalkan mestilah tidak terlalu da’if, kerana al-Sakhawi telah menukil pendapat Ibn

Hajar yang menyatakan tidak harus beramal dengan hadith da’if yang diriwayatkan oleh perawi dusta, perawi yang dituduh sebagai pendusta dan perawi yang banyak melakukan kesalahan. Oleh itu, hadith ini terdapat perawi yang disebut sebagai Munkar hadith yang mana tergolong dalam kategori hadith da’if yang terlalu da’if.

Kesimpulannya, dalam beramal dengan makna hadith ini iaitu dalam melakukan solat sunat duha tidak menjadi kesalahan kerana terdapat hadith sahih tentang solat sunat duha seperti dalam kitab Sahih Bukhari (1422H) yang bermaksud ‘Daripada Abu Hurayrah RA katanya: Kekasihku (Muhammad SAW) mengingatkan akan daku supaya melakukan tiga perkara iaitu berpuasa tiga hari pada setiap bulan, melaksanakan solat sunat duha sebanyak dua rakaat, dan melakukan solat sunat witir sebelum tidur’. Oleh itu, galakan melakukan solat sunat duha juga terdapat hadith sahih mengenainya, akan tetapi untuk beramal dengan kelebihan yang terdapat dalam hadith yang telah sebutkan oleh Syeikh Dawud tidak boleh dithabitkan daripada Nabi SAW seperti pendapat ulama dalam beramal dengan hadith da’if yang mana hadith ini da’ifnya terlalu kuat kerana terdapat perawi yang disebut sebagai ‘Munkar al-Hadith’.

#### *d. Menyatakan Hadith Tanpa Sanad*

Sanad merupakan perkara penting dalam menerima sesuatu hadith. Dalam meriwayatkan hadith da’if tanpa sanad harus menggunakan *sighah tamrid* sebagaimana yang disebut oleh Muhammad ‘Ajjaj (2006) dalam meriwayatkan hadith da’if bersanad dengan menggunakan *sighah Jazam* tidak dihalang sekiranya diriwayatkan oleh ahli al-‘Ilm, adapun yang diriwayatkan oleh orang awam hendaklah menggunakan *sighah tamrid* sebagaimana hadith yang diriwayatkan tanpa sanad. Keadaan ini seperti yang dijelaskan oleh Fauzi Deraman (2012) yang menyatakan hadith-hadith yang tidak berkaitan dengan hukum dan akidah dan tidak bersanad tidak boleh diriwayatkan dalam *sighah jazam*, bahkan hendaklah diriwayatkan dalam *sighah tamrid* terutamanya apabila keadaannya tidak dijelaskan. Syeikh Dawud dalam mengemukakan hadith kebanyakan beliau tidak sertakan sanad seperti hadith berikut:

“(Sabda Nabi) SAW Tiada daripada hari yang terlebih kasih kepada Allah bahawa berbuat ibadah baginya padanya daripada sepuluh dhulhijjah menimbangkan puasa tiap-tiap hari daripadanya dengan puasa setahun dan berdiri tiap-tiap malam daripadanya dengan berdiri ibadah malam lailatul qadar”

Matan hadith ini terdapat dalam Kitab Sunan al-Tirmidhi dengan matan berikut:

حدثنا أبو بكر بن نافع البصري قال: حدثنا مسعود بن واصل، عن خناس بن قهم، عن قتادة، عن سعيد بن المسيب، عن أبي هريرة، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ما من أيام أحب إلى الله أن يتبعه له فيها من عشر ذي الحجة، يعدل صيام كل يوم منها بصيام سنة، ويقيم كل ليلة منها بقيام ليلة القدر

Pada sanad hadith ini, terdapat perawi yang da’if iaitu Mas’ud bin Wasil dan Nahhas bin Qahm. Al-Darqatni dan Sulaiman bin Dawud al-Tayalisi telah menda’ifkan Mas’ud bin Wasil. Manakala perawi bernama Nahhas bin Qahm telah dida’ifkan oleh Ibn Hajar al-Asqalani dan al-Dhahabi serta al-Daraqutni menyebutnya sebagai ‘*Mudtarib al-Hadith*’. Berkata Abu Isa ‘*Hadha Hadith Gharib, la Na’rifuhu illa min hadith Mas’ud bin Wasil ‘an Nahhas bin Qahm*. Dan Yahya bin Sa’id telah mengkritik pada ingatan Nahhas bin Qasm. Nasir al-Din al-Albani dalam kitabnya *Sahih wa da’if Sunan al-Tirmidhi* menghukum hadith ini sebagai da’if.

Berdasarkan pendapat ulama terhadap hadith ini, dan artikel ini kategorikan sebagai hadith da’if oleh kerana terdapat perawi yang lemah dan seperti yang telah disebut oleh al-Albani sebagai da’if. Menurut pendapat ulama dalam meriwayatkan hadith da’if tanpa sanad harus menggunakan *sighah tamrid*. Pada hadith yang dikemukakan oleh Syeikh Dawud, menunjukkan *sighah* yang beliau gunakan adalah *sighah jazam* iaitu ‘Sabda Nabi SAW. Keadaan ini bertentangan dengan kaedah yang telah ditentukan oleh ulama dalam berinteraksi dengan hadith da’if yang mana sekiranya tidak sertakan sanad dalam meriwayatkan hadith harus menggunakan *sighah tamrid* bukannya *sighah jazam*. Ini boleh menimbulkan kekeliruan disebabkan penggunaan *sighah jazam* yang menunjukkan secara pasti yang boleh memberi implikasi kepada pembaca dalam menthabitkan hadith ini betul-betul datang daripada Nabi SAW.

#### *e. Menyatakan Hadith Beserta Sanad*

Dalam kitab Jam’u al-Fawaiid pengarang kitab ketika berinteraksi dengan hadith da’if selain dari menyatakan hadith tanpa sanad, beliau juga menyatakan hadith beserta sanad tetapi hanya membawa perawi tertinggi sahaja, beliau tidak sertakan sanad yang lengkap seperti pengarang lain dalam kitabnya ketika berinteraksi dengan hadith terutamanya dalam kitab hadith dan seumpamanya. Contoh hadith yang beliau sertakan sanad

seperti yang berikut;

Daripada Abi Hurayrah daripada Nabi SAW sabdanya: “Hiasi oleh kamu akan hari raya kamu dengan takbir”

Hasil kajian mendapati matan asal hadith ini seperti yang terdapat dalam kitab Mu’jam al-Ausat oleh al-Tabarani sebagaimana yang berikut;

حدثنا عبد الله بن وهب الغزي قال: نا محمد بن أبي السري العسقلاني قال: نا بقية قال: نا عمر بن راشد قال: نا أبو كثیر، عن أبي هريرة قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: زينوا أعيادكم بالتكبير

Al-Tabarani telah menyebut bahawa tidak diriwayatkan hadith ini daripada Nabi SAW melainkan dengan sanad ini, bersendirian padanya Muhammad bin Abi al-Sirri. Perawi yang bernama Amr bin Rasyid telah dida’ifkan oleh ulama seperti Abu Hatim al-Razi, Abu Dawud al-Sajastani, Ibn Hajar al-‘Asqalani, al-Daraqutni dan Yahya bin Mu’in. Manakala Abu Ahmad al-Hakim dan Abu Bakr al-Bazzar menyifatnya sebagai Munkar al-Hadith.

Fauzi Deraman (2012) hadith yang bersanad terdapat dalam semua aspek seperti *Fadail al-a’mal*, *targhib* dan *tarhib* kisah, hukum hakam dan aqidah. Tetapi jika dilihat pada hadith ini, pengarang kitab hanya kemukakan perawi pada peringkat sahabat sahaja. Pada penelitian yang telah dibuat, pengarang menggunakan *sighah tamrid* dalam menyebutkan hadith ini seperti kebanyakan ulama dalam meriwayatkan hadith da’if, dan beramal dengan makna hadith ini diharuskankan tetapi tidak boleh menthabitkan hadith ini daripada Nabi SAW oleh kerana terdapat makna yang sama dengan makna hadith ini dalam Sahih al-Bukhari (1422H) iaitu yang bermaksud Daripada Umm Atiyyah beliau berkata: Kami disuruh untuk keluar pada hari raya sehingga kami mengeluarkan anak-anak dari daripada tempat tinggal mereka, sehingga kami mengeluarkan wanita haid, dan mereka duduk di belakang orang ramai, mereka bertakbir bersama takbir orang ramai, berdoa dengan doa mereka, dan mereka mengharapkan keberkatan dan kesucian hari tersebut.

#### *f. Menyatakan Hadith dalam Bentuk Terjemahan*

Hampir keseluruhan hadith dalam Jam’u al-Fawaid pengarang hanya menyatakan dalam bentuk terjemahan sahaja, tidak mendatangkan matan Bahasa Arab. Begitu juga ketika berinteraksi dengan hadith da’if. Beliau hanya mengemukakan terjemahan hadith keseluruhannya. Dalam menterjemahkan hadith ulama telah meletakkan syarat yang perlu diikuti supaya tidak berlaku kesalahan dalam penterjemahan. Harun bin Zainal Abidin (2014) dalam kajiannya telah menjelaskan garis panduan yang telah ditetapkan oleh ulama yang perlu diaplikasikan oleh mereka yang ingin menterjemah hadith supaya tidak berlaku kesalahan ketika menterjemah hadith yang mana kesalahan tersebut memberi impak yang besar kerana ia berkait secara langsung dengan Nabi SAW yang boleh membawa kepada dusta keatasnya.

Dalam menterjemahkan hadith, Syeikh Dawud juga menterjemah hadith berdasarkan mafhum hadith. Mafhum hadith boleh ditakrifkan meriwayatkan hadith dengan lafaz dan bahasa sendiri yang boleh memenuhi maksud hadith (Ahmad Levi Fachrul Avivy 2010). Dalam berinteraksi dengan hadith da’if, Syeikh Dawud telah menggunakan kaedah ini seperti dalam hadith;

“Sabda Nabi SAW besarkan oleh kamu akan korban kamu maka bahwasanya pada hari qiamat kenderaan kamu”

Dalam kajian takhrij yang telah dilakukan, matan bahasa Arab yang telah dijumpai seperti yang terdapat dalam Kitab Kasyf al-Khafa’ oleh al-Ajluni;

عظموا ضحاياكم فإنها على الصراط مطايكم

Berkata Ibn Salah ‘*hadha al-hadith ghair al-Ma’ruf*’ (al-Manawi 1356H). Al-Ajluni (2000) dan al-Albani (1992) pula menyebut ‘*la asla lahu bihadha lafz*’.

Jika dilihat pada terjemahan hadith yang telah dinyatakan oleh Syeikh Dawud menepati maksud hadith seperti yang terdapat dalam kitab al-Ajluni. Akan tetapi terdapat penambahan pada hadith yang dibawa oleh Syeikh Dawud iaitu ‘pada hari qiamat’. Keadaan ini memberi gambaran bahawa sirat hanya berlaku pada hari qiamat. Ini juga seperti yang disebut oleh Imam al-Haramin (2007) dalam kitabnya Nihayah yang menyatakan menjadi kenderaan kepada orang yang melakukan korban pada hari kiamat, dan tambahnya lagi yang dimaksudkan dengan korban (binatang sembelihan) itu memudahkan perjalanan di atas sirat. Oleh itu,

boleh dikatakan juga metode mafhum hadith ini yang diaplikasikan oleh Syeikh Dawud merupakan syarah hadith oleh ulama dari kitab-kitab ulama muktabar yang bukan hanya mengambil hadith dari kitab hadith semata-mata.

## 6. Kesimpulan

Kitab Jam'u al-Fawaaid wa Jawahir al-Qalaid karya Syeikh Dawud telah menggunakan pelbagai metode dalam berinteraksi dengan hadith da'if. Faktor utama dalam menyebut hadith secara ringkas dan tanpa sanad yang lengkap ialah untuk meringkaskan perbahasan seperti kebanyakan kitab-kitab jawi yang lain. Hal ini menunjukkan tidak menjadi keutamaan pengarang dalam menyentuh tentang kedudukan hadith atau komentar terhadap perawi atau sumber pengambilan rujukan hadith tersebut, akan tetapi kandungan makna hadith itu yang menjadi perkata penting untuk diutarakan dalam menguatkan kenyataan yang dikemukakan dalam kitab tasawufnya itu. Penggunaan *sighah* yang pelbagai menunjukkan tidak menjadi keutamaan kepadanya dalam membezakan antara hadith bertaraf *maqbul* dan *mardud* oleh kerana secara umum menunjukkan dibolehkan meriwayatkan dan beramal dengan hadith da'if. Kepentingan memahami metode penulisan kitab amat penting supaya tidak salah memberi tafsiran kepada tujuan penulisan oleh pengarang kitab tersebut. Kerana mereka mempunyai sebab-sebab yang tersendiri dalam penulisannya, atau suasana pada zamannya yang mempengaruhi pemikiran mereka. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab yang besar kepada pengkaji-pengkaji dalam mengenali sejarah hidup pengarang kitab jawi khususnya.

## Rujukan

- Ahamad Asmadi Sakat. 2007. *Metodologi Imam al-Tirmidhi Dalam Kitab al-Jami'*. Pustaka Haji Abdul Majid Sdn Bhd.
- Ahmad Levi Fachrul Avivy. 2010. *Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantani: Kajian Terhadap Metodologi Penulisan Hadis Dalam Karya-karyanya*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din al-Albani. 1992H/1412M. *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Maudu'ah Wa Atharuha al-Sayyi'u Fi al-Ummah*. Cetakan Pertama. Dar al-Ma'arif. J.1.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din al-Albani. 1408H. *Tamam al-Minnah Fi al-Taqliq 'Ala Fiqh al-Sunnah*. Cetakan Baru. Dar al-Rayah.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din al-Albani. t.th. *Da'if al-Jami' al-Saghir Wa Ziyadatuhu*. Cetakan Maktab al-Islami. J.1.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din al-Albani. t.th. *Sahih wa Da'if Sunan al-Tirmidhi*. J.2
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din al-Albani. t.th. *Sahih wa Da'if Sunan Ibn Majah*. J.4.
- Al-Asbahani, Isma'il bin Muhammad al-Asbahani. 1993M/1414H. *Al-Targhib wa al-Tarhib*. Tahqiq: Aiman bin Salih. Cetakan Pertama. Al-Qahirah: Dar al-Hadith. J.1.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il Abu Abdullah al-Bukhari al-Ja'fi. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Muhammad Zuhair Nasir al-Nasir. Cetakan Pertama. Dar Tauq al-Najah. J.2.
- Al-Ajluni, Isma'il bin Muhammad al-Ajluni. 2000M/1420H. *Kasyfu al-Khafa' wa Mazilu al-Ilbas*. Tahqiq: Abd al-Hamid bin Ahmad. Cetakan Pertama. Al-Maktabah al-Asriyyah. J.2.
- Al-Haramin, Abd al-Malik bin Abdullah bin Yusof bin Muhammad al-Jawaini Abu al-Ma'ali. 2007M/1428H. *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Madhab*. Tahqiq: Ustaz Doktor Abd al-Azim Mahmud al-Dib. Cetakan Pertama. Dar al-Minhaj. J.18.
- Al-Khudayr, Abd al-Karim bin Abdullah al-Khudayr. 1417H/1997M. *Al-Hadith al-Da'if Wa Hukmu al-Ihtijaj Bihi*. al-Riyad: Dar al-Muslim.
- Al-Manawi, Zain al-Din Muhammad al-Mad'u Ba'id al-Rauf bin Taj al-'Arifin. 1356H. *Faid al-Qadir Syarh al-Jami' al-Saghir*. Cetakan Pertama. Misr: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra. J.1.
- Al-Nawawi, Abu Zakarya Muhyi al-Din Yahya bin Sharf al-Nawawi. 1985M/1405H. *Al-Taqrif Wa al-Taisir lima 'rifati Sunan al-Basyir al-Nadhir*. Tahqiq: Muhammad Uthman al-Khasyt. Cetakan pertama. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Nawawi, Abu Zakarya Muhyi al-Din Yahya bin Sharf al-Nawawi. 2001. *Al-Adhkar al-Nawawi*. Tahqiq:

- Amir bin Ali. Cetakan pertama. Dar Ibn Khuzaimah.
- Al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi. 1961M/1380H. *Qawa'id al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*. Tahqiq: Muhammad Bahjah al-Baitar. Cetakan Pertama. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-San'ani, Muhammad bin Isma'il al-Amiru al-Husna al-San'ani. 1947. *Taudihu al-Afskar lima'an Tanqihu al-Antar*. Tahqiq: Muhammad Muhyi al-Din Abd al-Hamid. Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah. J.1.
- Al-Tabarani, Sulaiman bin Ahmad Abu al-Qasim al-Tabarani. t.th. al-Mu'jam al-Kabir. Tahqiq: Hamdi bin Abd al-Majid al-Salafi. Cetakan kedua. Al-Qahirah: Maktabah Ibn Taimiyyah. J.8.
- Al-Tabarani, Sulaiman bin Ahmad Abu al-Qasim al-Tabarani. t.th. *al-Mu'jam al-Ausat*. Tahqiq: Tariq bin Aud Allah bin Muhammad, Abd al-Muhsin bin Ibrahim. Al-Qahirah: Dar al-Haramin. J.5.
- Al-Tabarani, Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim al-Tabarani. t.th. *Mu'jam al-Ausat*. Al-Qahirah: Dar al-Haramain.
- Al-Tahhan, Mahmud bin Ahmad al-Tahhan. 2004. *Taysir Mustalah al-Hadith*. Al-Iskandariyyah: Markaz al-Huda li al-Dirasat.
- Al-Tirmidhi, Abu Isa Muhammad bin Isa bin Saurah bin Musa bin Dahhak. 1975M/1395H. *Sunan al-Tirmidhi*. Tahqiq: Ahmad Muhammad Syakir, Muhammad Fu'ad Abd al-Baqi. Misr: Syirkah Maktabah wa Mutba'ah Mustafa al-Bab al-Hilbi. J.3.
- Ariffin Omar, Zaini Nasohah. 2005. *Hadith Da'iif ciri-ciri dan Hukum*. Penerbit: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd al-Karim Ibn Abdullah al-Khadir. 1997. *Al-Hadith al-Da'iif Wa Hukm al-Ihtijaj Bihi*, al-Riyad: Dar al-Muslim.
- Dr. Muhammad Ajjaj al-Khatib. 2006. *Usul al-Hadith Ulumuh Wa Mustalahuh*. Dar al-Fikr.
- Fathullah al Haq Muhammad Asni. 2017. *Pengamalan Hadith Daif dalam pengeluaran hukum Syarak menurut perspektif Ilmu Hadith dan Penggubal Fatwa di Malaysia*. International Journal of Islamic Studies.
- Fauzi Deraman. 2012. *ABSH2103 Ulum al-Hadith*. Penerbit: Pusat Reka Bentuk Pengajaran dan Teknologi, Open University Malaysia.
- Harun bin Zainal Abidin. 2014. *Penulisan Hadith dalam Karya Terjemahan: Kajian Terhadap Terjemahan Hadith Dalam Kitab Fath al-Mu'in*. Kuala Lumpur: Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Abu al-Fadl Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Hajar al-Asqalani. 2006M/1427H. *Nukhbah al-Fikr fi Mustalah Ahl al-Athar*. Tahqiq: Abd al-Hamid bin Salih. Beirut: Dar Ibn Hizm.
- Ibn Hajar al-Asqalani, Abu al-Fadl Ahmad bin Ali. 1986M/1406H. *Taqrib al-Tahdhib*. Tahqiq: Muhammad Awamah. Cetakan Pertama. Syria: Dar al-Rasyid.
- Ibn Majah, Abu Abdullah Muhammad bin Yazid. t.th. Sunan Ibn Majah. Tahqiq: Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah. J.1.
- Jawiah Dakir, Budah@Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim, Faisal Ahmad Shah. 2009. *Hadith Mayshur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij Dan Analisis*. Jurnal Usuluddin, Bil 29 [2009] 119-146.
- Mohd Aizul bin Yaakob. 2011. *Riwayat Kelebihan Bulan Hijri dalam Jam'u al-Fawaiid wa Jawahir al-Qala'id oleh Syeikh Dawud al-Fatani: Takhrij dan Analisis*. Tesis. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad & Ahmad Za'im Sabirin Mohd Yusoff. 2016. *Menangani Salah Faham terhadap Hadith Da'iif: Satu Analisis*. E-proceeding of the 3<sup>rd</sup> world conference on integration of knowledge 2016.
- Muhammad Abu al-Laith Khair Abadi. 2018. *Ulum al-Hadith Asiluha wa Mu'asiruha*. Cetakan Kelapan. Kuala Lumpur: Qourtuba Publisher.
- Muhammad Ajjaj al-Khatib. 2006. *Usul al-Hadith Ulumuh wa Mustalahuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Ibn Muhammad Abu Shahbah. 1983M/1403H. *Al-Wasit fi Ulum wa Mustalah al-Hadith*. Alam al-Ma'rifah.

- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi. 1412H/1991M. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- 'Itr, Nur al-Din 'Itr. 1979. *Manhaj al-Naqd fi Ulum al-Hadith*. Cetakan pertama. Dar al-Fikr.
- Rohaizan Baru Md. Zain. 1999. *Bagaimana Meletakkan Hukum Hadith*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani. t.th. *Jam'u al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id*. Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Awladuhu.
- W. Mohd Saghir. 1990. *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Penerbit: Hizbi.
- Subhi al-Salih. 1984. *Ulum al-Hadith wa Mustalahuh*. Dar al-Ilm lil Malayyin. Cetakan Kelima Belas.